



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
Director General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
Level 8, Block E8
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077
Faks: 03-8889 4548
Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/1 JLD11(6)

Tarikh : 1 Julai 2026

Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN BILANGAN 4
TAHUN 2026: PELAKSANAAN POLISI PERLINDUNGAN MURID SEKOLAH
BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

TUJUAN

Surat pekeliling ikhtisas (SPI) ini bertujuan memaklumkan pelaksanaan Polisi Perlindungan Murid Sekolah bawah Kementerian Pendidikan.

LATAR BELAKANG

2. Kementerian Pendidikan (KPM) sentiasa komited memastikan murid, guru dan warga sekolah sentiasa berada dalam keadaan selamat dan sejahtera. Sejajar dengan prinsip ini, KPM telah melaksanakan Reformasi Segera secara strategik dan terangkum untuk memperkukuh tahap keselamatan, kesejahteraan dan perlindungan murid di semua sekolah seluruh negara melalui Kerangka Sekolah Selamat. Reformasi Segera ini memberi tumpuan kepada lima fokus utama, iaitu:

- 2.1 Kesihatan Mental;
- 2.2 Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial, Keganasan Seksual Kanak-kanak dan Pencegahan Bahan Terlarang;
- 2.3 Polisi Perlindungan Murid;
- 2.4 Kebajikan Guru; dan
- 2.5 Suara Murid.

3. Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan (MPKPM) Khas Tahun 2025 pada 8 Disember 2025 telah meluluskan Polisi Perlindungan Murid Sekolah bawah Kementerian Pendidikan.

4. Polisi perlindungan murid ini menetapkan prinsip bahawa pentadbir sekolah dan pihak berkepentingan hendaklah memastikan semua keputusan dan tindakan adalah berteraskan kepentingan murid. Polisi ini turut menjamin hak murid untuk bersuara secara selamat dan beretika, melindungi murid daripada sebarang bentuk ancaman, memelihara privasi dan maruah murid serta menyokong pelibatan murid dalam aspek kesejahteraan dan kebajikan murid.

PELAKSANAAN

5. Polisi ini juga mewajibkan warga sekolah dan pihak luar yang mempunyai urusan dengan sekolah dan warganya hendaklah menandatangani Surat Aku Janji Kepatuhan Polisi Perlindungan Murid Sekolah bawah Kementerian Pendidikan. Surat Aku Janji Kepatuhan Polisi Perlindungan Murid Sekolah yang telah ditandatangani menjadi bukti penerimaan dan komitmen terhadap pematuhan serta pelaksanaan polisi ini.

6. Polisi Perlindungan Murid Sekolah bawah Kementerian Pendidikan yang disertakan bersama-sama SPI ini hendaklah dijadikan rujukan oleh warga sekolah dan pihak luar yang mempunyai urusan dengan sekolah atau warganya dalam memastikan sekolah sentiasa berada dalam keadaan selamat.

7. Surat pekeliling ikhtisas ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Bilangan 3 Tahun 2026: Garis Panduan Pengurusan Sekolah Selamat Kementerian Pendidikan bertarikh 1 Julai 2026.

TARIKH KUAT KUASA

8. Surat pekeliling ikhtisas ini **berkuat kuasa serta-merta** mulai tarikh SPI ini dikeluarkan.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

9. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dan memastikan kandungan SPI ini dilaksanakan oleh semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, JPN, PPD dan semua institusi pendidikan bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(**DATUK DR. MOHD AZAM BIN AHMAD**)

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
merangkap Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Kementerian Pendidikan

s.k.: 1. YB Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan

2. YB Timbalan Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan
3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan
4. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan
5. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan
6. Penasihat Undang-undang
Kementerian Pendidikan



POLISI

PERLINDUNGAN MURID SEKOLAH BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

POLISI PERLINDUNGAN MURID SEKOLAH BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

2026

POLISI PERLINDUNGAN MURID SEKOLAH BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Senarai Kandungan	Muka Surat
1.0 Pengenalan	3
1.1 Objektif Polisi	3
1.2 Skop Pemakaian Polisi	4
1.3 Prinsip Asas1	4
1.4 Tafsiran	5
2.0 Peranan dan Tanggungjawab	7
2.1 Pihak Berkepentingan	7
2.1.1 Kementerian Pendidikan	7
2.1.2 Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah	8
2.2 Pentadbir Sekolah	9
2.3 Warga Sekolah	10
2.4 Pihak Luar	11
2.4.1 Umum	11
2.4.2 Ibu bapa/Penjaga	12
2.5 Murid	13
3.0 Akses kepada Aduan	14
3.1 Saluran Aduan Mesra Murid	14
3.1.1 Peti Aduan Berkunci	14
3.1.2 Rujukan kepada Guru/Pentadbir Sekolah	15
3.1.3 Sistem Aduan Bersepadu KPM	15
3.2 Saluran Aduan Luar	16
3.3 Persekitaran Selamat untuk Membuat Aduan	17
4.0 Pelaporan dan Pengurusan Aduan	17
4.1 Tatacara Pelaporan	17
4.2 Penyelarasan dan Rujukan Kes	18
4.3 Pendekatan Berasaskan Trauma	18
4.4 Perlindungan kepada Pemberi Maklumat	19
4.5 Pengurusan dan Tindakan Susulan	19
4.6 Dokumentasi dan Pengurusan Rekod	19
Penutup	20
Lampiran	
Surat Aku Janji Kepatuhan Polisi Perlindungan Murid Sekolah bawah Kementerian Pendidikan	21

1.0 Pengenalan

Setiap murid mempunyai hak untuk berasa selamat dan dilindungi pada setiap masa dan dalam apa-apa juga keadaan. Kementerian Pendidikan (KPM) percaya bahawa proses pembelajaran hanya dapat berlangsung secara berkesan dalam persekitaran yang selamat, stabil dan saling menyokong. Sehubungan dengan itu, KPM sentiasa mengutamakan kepentingan dan kesejahteraan murid dengan memastikan mereka berada dalam persekitaran pembelajaran yang selamat, tenang dan kondusif.

1.1 Objektif Polisi

- 1.1.1 Polisi Perlindungan Murid Sekolah bawah Kementerian Pendidikan ini digubal bagi menyediakan satu kerangka rujukan utama yang komprehensif dan bersepadu dalam usaha melindungi keselamatan, kesejahteraan dan hak murid di semua sekolah bawah KPM.
- 1.1.2 Polisi ini menetapkan prinsip dan tanggungjawab pihak berkepentingan, pentadbir sekolah, warga sekolah, pihak luar serta murid secara kolektif bagi memastikan setiap sekolah menjadi persekitaran yang:
 - a. beretika, terangkum dan menyokong perkembangan sahsiah, jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial murid; dan
 - b. selamat, melindungi dan bebas daripada sebarang bentuk penderaan, eksploitasi, pengabaian dan keganasan dengan mengutamakan prinsip kepentingan terbaik murid demi memastikan kesejahteraan murid sentiasa terpelihara.
- 1.1.3 Polisi ini disediakan untuk memastikan peningkatan kesedaran, kecekapan dan akauntabiliti pentadbir sekolah dan pihak berkepentingan terhadap tanggungjawab melindungi murid melalui struktur tadbir urus, mekanisme pelaporan, tindakan dan keputusan yang efisien.
- 1.1.4 Polisi ini mewajibkan pihak berkepentingan, pentadbir sekolah, warga sekolah dan pihak luar menandatangani Surat Aku Janji Kepatuhan Polisi Perlindungan Murid Sekolah bawah Kementerian Pendidikan sebagai bukti penerimaan dan komitmen terhadap pelaksanaan polisi ini.

1.2 Skop Pemakaian Polisi

Polisi ini terpakai kepada semua pihak yang berikut:

- a. murid;
- b. sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan bermula daripada peringkat prasekolah hingga lepas menengah termasuk kolej vokasional;
- c. pihak berkepentingan; dan
- d. pihak luar.

Institusi pendidikan swasta yang berdaftar dengan KPM juga disarankan merujuk polisi ini.

1.3 Prinsip Asas

Polisi perlindungan murid ini berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan berdasarkan Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*] serta peraturan, surat pekeliling ikhtisas (SPI), surat siaran, surat makluman, garis panduan dan arahan berkaitan yang sedang berkuat kuasa meliputi prinsip asas seperti berikut:

- a. **Kepentingan terbaik murid**
Pentadbir sekolah hendaklah memastikan bahawa semua bentuk keputusan, tindakan dan ketetapan yang dibuat berteraskan kepentingan terbaik murid.
- b. **Hak kebebasan murid bersuara**
Murid hendaklah diberikan ruang untuk menyuarakan pandangan mereka terhadap ketetapan, tindakan dan keputusan secara beretika melalui saluran komunikasi yang disediakan oleh pentadbir sekolah.
- c. **Perlindungan daripada ancaman**
Pentadbir sekolah dan pihak berkepentingan hendaklah melindungi murid daripada sebarang bentuk penderaan, eksploitasi, pengabaian, keganasan serta layanan buruk sama ada secara fizikal, bukan fizikal atau mental.
- d. **Perlindungan terhadap privasi dan maruah**
Pentadbir sekolah dan pihak berkepentingan hendaklah memelihara privasi murid, melindungi kerahsiaan maklumat peribadi murid dan memastikan maruah murid sentiasa dihormati.

e. **Tiada diskriminasi**

Pentadbir sekolah dan pihak berkepentingan hendaklah memastikan setiap murid dilibatkan secara terangkum dan diberikan layanan yang adil serta tidak diketepikan dalam sebarang urusan berkaitan pembelajaran, kebajikan, penyertaan atau mana-mana aspek yang memberikan kesan kepada pengalaman pendidikan mereka.

1.4 TAFSIRAN

Tafsiran bagi istilah yang digunakan dalam polisi ini adalah seperti yang berikut:

“intervensi awal” bermaksud tindakan segera yang diambil untuk mengenal pasti, menilai dan menangani risiko atau insiden yang menjejaskan keselamatan, kesejahteraan dan hak murid sebelum masalah menjadi lebih serius atau berulang.

“MOIES” bermaksud Sistem Bersepadu Kementerian Pendidikan Malaysia.

“murid” bermaksud seseorang tanpa mengira umurnya yang kepadanya pendidikan atau latihan sedang diberikan di sesebuah institusi pendidikan dan polisi perlindungan ini terpakai sepertimana yang dinyatakan pada perenggan 1.2 polisi ini. Bagi maksud polisi ini, murid ialah penerima perlindungan dan peserta dalam proses membuat keputusan yang memberikan kesan kepada kesejahteraan mereka.

“pelapor” bermaksud individu atau pihak yang membuat aduan, laporan atau pemakluman mengenai sebarang kejadian, syak munasabah atau tanda-tanda ancaman atau apa-apa risiko keselamatan yang melibatkan murid kepada pihak sekolah atau pihak berwajib.

“pentadbir sekolah” bermaksud semua individu yang berkhidmat, bertugas atau terlibat secara langsung dalam operasi harian di sekolah merangkumi Pengetua, Guru Besar dan Guru Penolong Kanan serta Pengarah, Timbalan Pengarah Akademik dan Ketua Jaminan Kualiti di kolej vokasional.

“perlindungan murid” bermaksud segala tindakan, dasar, mekanisme dan intervensi yang bertujuan untuk memastikan keselamatan, kesejahteraan, maruah dan hak murid terlindung daripada sebarang bentuk penderaan, pengabaian, eksploitasi, keganasan, gangguan, diskriminasi dan ancaman lain dalam persekitaran sekolah.

“pihak berkepentingan” bermaksud KPM, jabatan pendidikan negeri (JPN) dan pejabat pendidikan daerah (PPD) yang mempunyai kepentingan, tanggungjawab atau peranan terhadap sekolah termasuk aspek keselamatan, kesejahteraan, hak dan perkembangan murid di sekolah.

“pihak berkuasa” bermaksud pihak yang mempunyai kerjasama strategik dengan KPM iaitu Agensi Antidadah Kebangsaan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, Pasukan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta Polis Diraja Malaysia (PDRM).

“pihak luar” bermaksud ibu bapa/penjaga, Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG), Lembaga Pengelola Sekolah (LPS), Pelibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Pihak Swasta (PIBKS), alumni sekolah, agensi kerajaan, agensi swasta seperti pakar pendidikan, kaunselor, psikologi, organisasi bukan kerajaan (NGO) dan komuniti tempatan.

“polisi” bermaksud Polisi Perlindungan Murid Sekolah bawah Kementerian Pendidikan.

“sempadan komunikasi profesional” bermaksud tingkah laku, interaksi dan komunikasi yang jelas, beretika, secara terbuka, telus dan wajar antara individu dewasa termasuk warga sekolah dan pihak luar dengan murid yang hendaklah dilaksanakan semata-mata bagi tujuan pendidikan, kebajikan atau keselamatan murid tanpa sebarang bentuk salah guna kuasa bagi memastikan keselamatan, maruah dan kesejahteraan murid sentiasa terpelihara.

“Surat Aku Janji” bermaksud Surat Aku Janji Kepatuhan Polisi Perlindungan Murid Sekolah bawah Kementerian Pendidikan sepertimana Lampiran 1 polisi ini.

“syak munasabah” bermaksud sesuatu kepercayaan atau sangkaan yang berasas dan wajar berdasarkan pemerhatian, maklumat atau keadaan tertentu bahawa sesuatu kejadian mungkin telah berlaku walaupun belum disahkan melalui bukti yang lengkap.

“warga sekolah” bermaksud murid, pentadbir sekolah dan semua individu yang berkhidmat, bertugas atau terlibat secara langsung dalam operasi harian sekolah termasuk mana-mana orang yang melaksanakan obligasi bawah mana-mana kontrak dengan pihak sekolah seperti pengawal keselamatan, pengusaha kantin dan pengusaha kedai buku.

2.0 Peranan dan Tanggungjawab

Pihak berkepentingan, pentadbir sekolah, warga sekolah serta pihak luar mempunyai peranan dan tanggungjawab yang penting serta perlu bekerjasama antara satu sama lain bagi memastikan pelaksanaan polisi ini berjalan lancar dan berkesan. Selaras dengan itu, murid sebagai pihak yang turut terlibat dalam ekosistem sekolah juga mempunyai peranan tersendiri dalam menyokong usaha ini demi menjamin keselamatan dan kesejahteraan mereka pada setiap masa.

2.1 Pihak Berkepentingan

2.1.1 Kementerian Pendidikan

KPM berperanan sebagai pembuat dan peneraju dasar sedia ada yang berkaitan dengan polisi perlindungan murid dan pemantau utama dalam pelaksanaan polisi ini.

Tanggungjawab KPM adalah seperti berikut:

- a. memastikan penyediaan dan pelaksanaan polisi adalah selaras dengan keperluan dasar sedia ada yang dikeluarkan KPM dari semasa ke semasa;
- b. menyediakan latihan, modul, bahan rujukan dan sumber pendidikan yang berkaitan bagi meningkatkan keupayaan pentadbir sekolah dalam pelaksanaan polisi;
- c. menyedia dan menguatkuasakan pelaksanaan Surat Aku Janji Kepatuhan Polisi Perlindungan Murid Sekolah bawah Kementerian Pendidikan oleh pentadbir sekolah, warga sekolah, pihak berkepentingan dan pihak luar sebagai komitmen terhadap pelaksanaan polisi;
- d. menyelaraskan pelaksanaan polisi bersama-sama pihak luar berkaitan dengan perlindungan kanak-kanak mengikut kesesuaian;
- e. menyediakan mekanisme dan saluran pelaporan yang sistematik, selamat dan terjamin kerahsiaannya bagi memantau dan menguruskan semua kes penderaan, pengabaian, eksploitasi dan keganasan terhadap murid;
- f. melaksanakan kajian dan penilaian keberkesanan pelaksanaan polisi dan latihan serta kecekapan pengurusan kes; dan

- g. melaksanakan tindakan dasar atau intervensi susulan bagi menambah baik pelaksanaan polisi berdasarkan hasil kajian, penilaian, pemantauan dan maklum balas daripada lapangan.

2.1.2 Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah

JPN dan PPD berperanan sebagai penyelaras dan pemantau pelaksanaan polisi ini di peringkat negeri dan daerah.

Tanggungjawab JPN dan PPD adalah seperti yang berikut:

- a. memastikan semua sekolah bawah seliaan JPN dan PPD melaksanakan polisi ini secara konsisten mengikut panduan dan keperluan dasar yang ditetapkan oleh KPM;
- b. menyelaras dan memantau penyampaian latihan, modul dan bahan rujukan berkaitan tatacara perlindungan murid serta penggunaannya kepada sekolah;
- c. memastikan pasukan khidmat sokongan daripada JPN dan PPD sentiasa bersedia dengan kerjasama pihak luar untuk menangani sebarang kes berisiko yang melibatkan keselamatan dan kesejahteraan murid;
- d. menyelaras program kerjasama pada peringkat negeri dan daerah antara pihak pentadbir sekolah yang melibatkan pihak luar secara teratur dan berkesan;
- e. memastikan mekanisme dan saluran aduan di sekolah berfungsi dengan selamat dan terjamin kerahsiaannya;
- f. menyediakan pelaporan kes berkaitan penderaan, pengabaian, eksploitasi dan gangguan terhadap murid daripada sekolah ke peringkat KPM mengikut prosedur yang ditetapkan;
- g. menyebarkan dan memantau pentadbir sekolah, warga sekolah dan pihak luar terhadap pematuhan Surat Aku Janji Kepatuhan Polisi Perlindungan Murid Sekolah bawah Kementerian Pendidikan; dan
- h. menyediakan laporan penilaian pelaksanaan polisi dan cadangan penambahbaikan kepada KPM berdasarkan situasi sebenar di lapangan.

2.2 Pentadbir Sekolah

Pentadbir sekolah berperanan sebagai pelaksana utama polisi ini.

Tanggungjawab pentadbir sekolah adalah seperti yang berikut:

- a. memastikan prosedur kebersihan, kesihatan dan keselamatan di sekolah dilaksanakan secara berkesan dan berterusan mengikut ketetapan dalam Garis Panduan Pengurusan Sekolah Selamat Kementerian Pendidikan;
- b. menyediakan persekitaran sekolah yang kondusif, selamat, sejahtera dan terangkum bagi menyokong proses pembelajaran semua murid;
- c. memastikan sesi taklimat dan latihan berkaitan perlindungan, keselamatan dan kesejahteraan murid dilaksanakan secara berkesan kepada semua murid dan warga sekolah;
- d. menetapkan, memastikan, memantau dan menguatkuasakan pematuhan sempadan komunikasi profesional oleh warga sekolah, pihak berkepentingan dan pihak luar dalam semua bentuk interaksi dan komunikasi yang melibatkan murid;
- e. memastikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling disediakan kepada semua murid secara efisien, berkesan dan selaras dengan garis panduan yang dikeluarkan oleh KPM dari semasa ke semasa;
- f. memastikan saluran komunikasi dan kandungan media sosial rasmi sekolah diuruskan secara beretika berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh KPM dari semasa ke semasa;
- g. memastikan warga sekolah, pihak berkepentingan dan pihak luar memahami, mematuhi dan menandatangani Surat Aku Janji Kepatuhan Polisi Perlindungan Murid Sekolah bawah Kementerian Pendidikan.
- h. menjalinkan kerjasama dengan pihak berkepentingan dan pihak luar dalam program kesedaran dan intervensi berkaitan perlindungan dan keselamatan murid;
- i. memastikan keberkesanan mekanisme pelaporan yang mesra murid, mudah diakses, selamat dan terjamin kerahsiaannya agar setiap aduan atau maklumat berkaitan keselamatan, kesejahteraan dan hak murid dapat ditangani dengan cepat dan berkesan;

- j. memastikan pengurusan aduan dikendalikan secara telus dan saksama mengikut saluran rasmi yang ditetapkan KPM serta menjaga kerahsiaan murid;
- k. mengenal pasti serta mengambil tindakan awal terhadap sebarang tanda penderaan, eksploitasi, pengabaian atau keganasan yang melibatkan murid;
- l. memastikan suara, kepentingan dan kebajikan murid yang terjejas sentiasa diberi perhatian sewajarnya dalam setiap proses pengurusan kes;
- m. mengurus dan melaporkan kepada pihak berkuasa sebarang kes atau tanda ancaman terhadap murid atau tingkah laku berisiko murid mengikut undang-undang, peraturan, SPI, surat siaran dan garis panduan yang sedang berkuat kuasa;
- n. memastikan pelaporan dan pengurusan kes perlindungan murid diselaraskan secara berkesan dengan pihak berkuasa, sebagai contoh melalui komunikasi, rujukan dan tindakan susulan yang teratur bersama-sama Pegawai Pelindung Kanak-Kanak, JKM, Pegawai Perhubungan Sekolah, PDRM atau agensi lain berkaitan dengan segera bagi tujuan penilaian dan tindakan lanjut;
- o. memastikan maklumat kes disalurkan kepada JPN atau PPD untuk pemantauan dan tindakan susulan yang berkesan; dan
- p. memastikan mana-mana individu yang berurusan secara langsung dengan murid dipantau dengan sewajarnya bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan mereka.

2.3 Warga Sekolah

Warga sekolah berperanan sebagai pelindung utama kepada murid di sekolah dan pemegang amanah dalam menjamin keselamatan, kebajikan, kesejahteraan dan maruah murid.

Tanggungjawab warga sekolah adalah seperti yang berikut:

- a. menjaga kebersihan, kesihatan dan keselamatan murid dalam bilik darjah, makmal, asrama, padang dan kawasan lain di sekolah mengikut ketetapan dalam Garis Panduan Pengurusan Sekolah Selamat Kementerian Pendidikan;

- b. menyokong penyediaan persekitaran sekolah yang kondusif, selamat, sejahtera dan terangkum bagi semua murid;
- c. mengikuti sesi taklimat, latihan dan program kesedaran berkaitan perlindungan, keselamatan dan kesejahteraan murid;
- d. mematuhi semua peraturan, SPI, surat siaran dan garis panduan yang dikeluarkan oleh KPM dari semasa ke semasa;
- e. memahami, mematuhi dan menandatangani Surat Aku Janji Kepatuhan Polisi Perlindungan Murid Sekolah bawah Kementerian Pendidikan;
- f. menyertai aktiviti kesedaran, intervensi awal atau program sokongan murid yang dianjurkan oleh KPM, JPN, PPD, pihak sekolah atau pihak luar;
- g. menggunakan saluran rasmi yang ditetapkan KPM dan memastikan aduan dikendalikan secara telus serta menjaga kerahsiaan murid;
- h. mengamalkan sempadan komunikasi professional dalam semua bentuk tingkah laku, interaksi dan komunikasi dengan murid; dan
- i. memaklumkan pihak sekolah dengan segera sekiranya terdapat sebarang syak munasabah berkaitan keselamatan dan kesejahteraan murid.

2.4 Pihak luar

Pihak luar merupakan rakan strategik kepada sekolah dalam membantu pelaksanaan polisi secara bersepadu.

Tanggungjawab pihak luar adalah seperti yang berikut:

2.4.1 Umum

- a. mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh KPM dan pihak sekolah melibatkan kesejahteraan, keselamatan dan perlindungan terhadap murid;
- b. memberi kerjasama terhadap keperluan pengesahan maklumat yang ditetapkan oleh pihak sekolah, sekiranya diperlukan, sebelum berinteraksi secara langsung dengan murid;

- c. memastikan semua program dan aktiviti yang melibatkan murid dilaksanakan dalam persekitaran yang selamat, terkawal serta sentiasa berada bawah pengawasan yang sewajarnya;
- d. mengamalkan komunikasi berhemah, berperingkat dan berasaskan kepentingan terbaik murid;
- e. menyokong, memahami dan menandatangani Surat Aku Janji Kepatuhan Polisi Perlindungan Murid Sekolah bawah Kementerian Pendidikan sebagai komitmen terhadap pelaksanaan polisi;
- f. membantu mengenal pasti, memantau dan melaporkan dengan segera kepada pihak sekolah sebarang kes penderaan, pengabaian, eksploitasi, keganasan atau tingkah laku berisiko murid kepada sekolah;
- g. menyokong tindakan pentadbir sekolah dan pihak berkuasa dalam menangani kes penderaan, eksploitasi, pengabaian, keganasan atau salah laku terhadap murid;
- h. membantu memberikan khidmat nasihat, kepakaran, sumber atau program yang menyokong keselamatan, kesejahteraan dan perlindungan murid;
- i. menjalinkan kerjasama dan menyokong aktiviti dengan pihak sekolah dalam program kesedaran, intervensi dan latihan berkaitan perlindungan murid;
- j. membantu mengenal pasti, memantau dan melaporkan dengan segera kepada pihak sekolah sebarang kes penderaan, pengabaian, eksploitasi, keganasan atau tingkah laku berisiko murid kepada sekolah; dan
- k. menghormati kerahsiaan maklumat, hak dan keselamatan murid dalam semua tindakan atau program yang dijalankan.

2.4.2 Ibu bapa/Penjaga

- a. memantau tingkah laku dan kesejahteraan anak/anak jagaan serta mengambil tindakan awal jika terdapat tanda ancaman, syak munasabah atau gangguan terhadap anak/anak jagaan;

- b. menjadi contoh teladan dengan menunjukkan tingkah laku yang beretika, menghormati orang lain serta mengamalkan nilai murni; dan
- c. mengawal dan memantau penggunaan peranti dan internet anak/anak jagaan dalam menangani risiko keselamatan siber.

2.5 Murid

Murid merupakan penerima manfaat utama polisi ini dan turut memainkan peranan penting dalam menjaga keselamatan diri dan rakan sebaya.

Tanggungjawab murid adalah seperti yang berikut:

- a. mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh KPM;
- b. mengamalkan sikap hormat-menghormati, empati dan prihatin terhadap rakan/murid lain serta seluruh warga sekolah dengan menghargai hak, maruah dan perasaan setiap individu tanpa mengira latar belakang, agama, jantina atau keupayaan;
- c. mengamalkan etika komunikasi selamat serta berhemah dengan rakan/murid lain serta seluruh warga sekolah;
- d. mengelak daripada melakukan sebarang perbuatan dan tingkah laku yang melibatkan emosi, mental dan fizikal termasuk secara dalam talian yang boleh memudaratkan orang lain;
- e. tidak menyebarkan maklumat palsu, khabar angin atau bahan yang boleh memudaratkan rakan/murid lain atau warga sekolah;
- f. melaporkan aduan melalui saluran rasmi yang ditetapkan KPM atau mendapatkan bantuan daripada pihak berkuasa jika berasa terancam, diganggu, dibuli, dieksploitasi atau mengetahui rakan/murid lain menjadi mangsa; dan
- g. menyertai program kesedaran perlindungan murid bagi meningkatkan pengetahuan tentang keselamatan diri, pencegahan eksploitasi, gangguan dan keganasan.

3.0 Akses kepada Aduan

Sekolah hendaklah memastikan semua murid mempunyai akses yang selamat, mudah dan tanpa halangan untuk menyuarakan sebarang kebimbangan berkaitan keselamatan dan kesejahteraan mereka sama ada melalui saluran aduan mesra murid atau secara langsung kepada guru atau pihak pentadbir sekolah sebagai penerima awal aduan, selaras dengan ketetapan dalam polisi ini.

3.1 Saluran Aduan Mesra Murid

Sekolah hendaklah menyediakan saluran aduan mesra murid melalui mekanisme berikut:

3.1.1 Peti Aduan Berkunci

a. Lokasi dan Bilangan

- i. peti aduan berkunci hendaklah ditempatkan di lokasi yang strategik, mudah diakses dan selamat serta mengambil kira aspek privasi murid termasuk di kawasan yang tidak menjadi tumpuan utama dan membolehkan murid mengemukakan aduan tanpa diperhatikan secara langsung seperti di kantin, berhampiran pejabat pentadbiran, asrama atau mana-mana lokasi lain yang bersesuaian; dan
- ii. bilangan peti aduan hendaklah bersesuaian dengan keperluan dan persekitaran sekolah serta tidak terhad kepada satu peti sahaja.

b. Kaedah Mengemukakan Aduan

- i. aduan boleh dikemukakan melalui apa-apa medium bertulis yang bersesuaian;
- ii. aduan tidak terikat kepada sebarang format atau bahasa tertentu; dan
- iii. murid tidak diwajibkan menyertakan maklumat diri.

3.1.2 Rujukan kepada Guru/Pentadbir Sekolah

a. Kaedah Mengemukakan Aduan

- i. murid boleh mengemukakan aduan kepada mana-mana guru atau pentadbir sekolah yang dirasakan selesa dan dipercayai;
- ii. aduan boleh dibuat secara bersemuka atau melalui medium komunikasi yang sedia ada seperti WhatsApp, Telegram, e-mel, talian telefon atau kaedah lain yang bersesuaian; dan
- iii. murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) boleh menggunakan kaedah komunikasi yang bersesuaian seperti bahan visual, papan komunikasi atau bahasa isyarat dengan bantuan guru pendidikan khas.

b. Penerimaan Aduan

- i. guru atau pentadbir sekolah yang menerima aduan hendaklah mendengar dengan tenang, menunjukkan empati dan tidak menghakimi murid;
- ii. guru atau pentadbir sekolah hendaklah mengutamakan keselamatan dan kesejahteraan murid;
- iii. guru atau pentadbir sekolah tidak perlu menjalankan siasatan sendiri atau menyoal murid secara mendalam yang boleh menjejaskan kesejahteraan murid atau integriti siasatan; dan
- iv. aduan hendaklah dirujuk tatacara pelaporan yang ditetapkan dalam Perkara 4.0 polisi ini.

3.1.3 Sistem Aduan Bersepadu KPM

a. Hebahan dan Akses

- i. pentadbir sekolah hendaklah memastikan pautan portal aduan, kaedah membuat aduan serta maklumat berkaitan chatbot aduan KPM dipaparkan di papan kenyataan dan di lokasi strategik yang mudah diakses oleh murid; dan
- ii. pautan portal aduan serta kaedah membuat aduan hendaklah ditaklimatkan dan dihebahkan secara berkala kepada semua murid dan warga sekolah.

b. Penerimaan dan Saringan Aduan

Semua aduan yang diterima melalui Sistem Aduan Bersepadu KPM hendaklah disaring mengikut prosedur yang ditetapkan oleh KPM.

3.2 Saluran Aduan Luar

Murid atau mana-mana pelapor boleh mengemukakan aduan secara terus melalui saluran aduan luar seperti yang berikut:

Saluran	Talian/ Pautan
Jabatan Kebajikan Masyarakat	Talian Kasih:15999 WhatsApp: 019-2615999 Pasukan Perlindungan Kanak-kanak (PPKK): Aduan: pro_jkm@jkm.gov.my
Polis DiRaja Malaysia	Talian : 999 Talian utama: 03-2266 3333 Kunjungi balai polis yang berhampiran
Kementerian Kesihatan Malaysia	Talian <i>Help with Empathy and Love</i> (HEAL): 15555 Talian: 03-8883 3888 E-mel: pro@moh.gov.my

Nota: Maklumat talian dan pautan adalah tertakluk pada perubahan dari semasa ke semasa. Pihak sekolah hendaklah memastikan maklumat yang dipaparkan adalah terkini.

3.3 Persekitaran Selamat untuk Membuat Aduan

Persekitaran bagi membuat aduan hendaklah menyokong dan selamat supaya murid atau pelapor dapat membuat aduan tanpa rasa takut termasuk:

- a. murid atau pelapor tidak dikenakan sebarang tekanan, ugutan atau tindakan balas akibat daripada membuat aduan; dan
- b. maklumat berkaitan aduan dikendalikan secara berhemah dan hanya dikongsi dengan pihak yang berkaitan untuk tindakan lanjut.

4.0 Pelaporan dan Pengurusan Aduan

Tatacara pelaporan dan pengurusan aduan hendaklah dilaksanakan secara sistematik dan berkesan bagi memastikan setiap aduan, maklumat atau pendedahan ditangani dengan sewajarnya selaras dengan ketetapan dalam undang-undang, peraturan, SPI, surat siaran dan garis panduan yang sedang berkuat kuasa.

4.1 Tatacara Pelaporan

- a. setiap aduan hendaklah dilaporkan kepada pentadbir sekolah dengan segera sebaik sahaja diketahui;
- b. pelaporan hendaklah dibuat walaupun maklumat atau pendedahan yang diperoleh berdasarkan syak munasabah;
- c. penyelarasan dan rujukan kepada pihak berkuasa berkaitan hendaklah dilaksanakan dalam tempoh yang munasabah selaras dengan ketetapan yang sedang berkuat kuasa; dan
- d. semua tindakan hendaklah dilaksanakan tanpa berlengah bagi memastikan keselamatan murid dilindungi.

4.2 Penyelarasan dan Rujukan Kes

Setiap aduan hendaklah diselaraskan dan ditentukan tindakan yang bersesuaian berdasarkan jenis dan tahap kes, selaras dengan ketetapan dalam undang-undang, peraturan, SPI, surat siaran dan garis panduan yang sedang berkuat kuasa.

- a. aduan yang melibatkan isu disiplin, kebajikan, keselamatan atau kesejahteraan murid hendaklah diuruskan dengan segera pada peringkat sekolah untuk tindakan lanjut;
- b. semua aduan hendaklah diuruskan secara beretika dengan kerahsiaan pengadu dipelihara pada setiap masa;
- c. kes yang telah dikenal pasti sebagai tidak memerlukan rujukan kepada pihak berkuasa hendaklah diuruskan pada peringkat sekolah berdasarkan panduan dalam Fokus 4: Pengurusan Salah Laku Disiplin dalam Garis Panduan Pengurusan Sekolah Selamat Kementerian Pendidikan serta ketetapan lain dalam peraturan, SPI, surat siaran yang berkuat kuasa; dan
- d. kes yang memerlukan rujukan kepada pihak berkuasa hendaklah dirujuk dengan segera kepada mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan mengikut jenis, tahap dan keperluan kes seperti yang berikut:
 - i. Pegawai Pelindung Kanak-Kanak, JKM;
 - ii. PDRM; atau
 - iii. One Stop Crisis Centre (OSCC) KKM.

4.3 Pendekatan Berasaskan Trauma

Pengendalian kes hendaklah mengambil kira kesejahteraan emosi dan psikologi murid melalui pendekatan berasaskan pencegahan serta intervensi trauma, termasuk:

- a. memastikan murid diberikan sokongan emosi yang bersesuaian dan tidak didedahkan kepada situasi yang boleh menimbulkan trauma semula;
- b. mengelakkan soal siasat berulang atau tindakan yang boleh memberi tekanan kepada murid; dan

- c. memastikan interaksi dengan murid dilaksanakan secara empati, berhemah dan menghormati maruah murid.

4.4 Perlindungan kepada Pemberi Maklumat

Perlindungan hendaklah diberikan kepada pelapor yang bertindak dengan niat baik daripada sebarang tindakan balas, tekanan atau diskriminasi bagi menggalakkan pelaporan tanpa rasa takut dan identiti pemberi maklumat dilindungi dan dirahsiakan.

4.5 Pengurusan dan Tindakan Susulan

Pengurusan kes hendaklah dilaksanakan secara sistematik dan bersepadu termasuk:

- a. memastikan keselamatan dan kesejahteraan murid diberikan keutamaan sepanjang pengendalian kes;
- b. memastikan tindakan susulan dilaksanakan secara berterusan sehingga kes diselesaikan atau dirujuk kepada pihak berkuasa yang berkaitan; dan
- c. mengadakan kerjasama dengan mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan bagi menyokong pengurusan kes yang menyeluruh.

4.6 Dokumentasi dan Pengurusan Rekod

Semua aduan, pelaporan dan tindakan susulan hendaklah:

- a. direkodkan secara lengkap, tepat dan teratur;
- b. disimpan dengan menjaga kerahsiaan maklumat; dan
- c. digunakan bagi tujuan pemantauan, rujukan dan penambahbaikan pengurusan kes.

Penutup

Polisi Perlindungan Murid Sekolah bawah Kementerian Pendidikan ini merupakan komitmen KPM untuk memastikan setiap murid berada dalam persekitaran pembelajaran yang selamat, beretika dan terang-kum. Pelaksanaan polisi ini memerlukan kerjasama bersepadu antara pentadbir sekolah, warga sekolah, pihak berkepentingan serta pihak luar termasuk pihak berkuasa yang berkaitan dalam melaksanakan langkah pencegahan, intervensi awal, pelaporan dan tindakan susulan secara berkesan, sistematik dan berintegriti.

Melalui polisi ini, KPM menegaskan bahawa perlindungan murid merupakan tanggungjawab kolektif seluruh ekosistem pendidikan dengan memastikan setiap aspek pengurusan sekolah menyumbang kepada kesejahteraan dan perlindungan murid secara menyeluruh. Perlindungan murid bukan sekadar memenuhi keperluan perundangan malah merupakan amanah bersama dalam melahirkan generasi yang sejahtera, berakhlak mulia dan berdaya saing.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**SURAT AKU JANJI
KEPATUHAN POLISI PERLINDUNGAN MURID SEKOLAH
BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

Bahagian A: Maklumat Diri

Sekolah : _____

Nama Penuh: _____

No. Kad Pengenalan / Pasport: _____ No. Telefon / TB: _____

E-mel: _____

Tandakan (/) pada kategori di bawah:

☐ Pentadbir Sekolah (PGB/ Pengarah KV/ Timbalan☐ Warga Sekolah

Pengarah Akademik KV/ Ketua Jaminan Kualiti KV

/ PK/ Guru/ Pensyarah)

(Sila bulatkan kategori anda)

☐ Pihak Berkepentingan (KPM/ JPN/ PPD)☐ Ibu bapa/Penjaga

(Sila bulatkan kategori anda)

☐ Pihak Luar (sila nyatakan):

.....

Bahagian B: Untuk diisi oleh ibu bapa/penjaga sahaja

Bilangan anak yang bersekolah di sekolah ini: orang

Bil.	Nama Anak	Tahun/Tingkatan
1.		
2.		
3.		
4.		
5.		

Bahagian C: Aku Janji

Saya mengaku janji bahawa saya akan:

1. melindungi semua murid dan memastikan murid selamat daripada sebarang penderaan, pengabaian, eksploitasi dan salah laku;
2. memastikan tidak melakukan sebarang tindakan yang boleh membahayakan murid sama ada melalui perbuatan fizikal, emosi, lisan, seksual atau dalam talian;

3. bertindak segera jika saya melihat bahaya, menerima maklumat atau mendengar aduan tentang keselamatan murid dan tidak mendiadakan diri;
4. menggunakan saluran pelaporan rasmi untuk membuat laporan dan akan merahsiakan maklumat kes tersebut;
5. berinteraksi dengan murid dan warga sekolah secara baik, tanpa kekerasan, ugutan atau bahasa yang merendahkan orang lain;
6. menghormati batas profesional dengan tidak melakukan sebarang sentuhan yang tidak perlu, tidak menjalin hubungan peribadi yang istimewa, tidak memberikan hadiah yang mencurigakan dan tidak berkomunikasi secara rahsia dengan murid;
7. menjaga kerahsiaan dan melindungi data peribadi murid dengan tidak menyebarkan gambar, video, suara atau maklumat peribadi murid kepada orang lain tanpa kebenaran rasmi;
8. tidak akan menyalahgunakan kuasa atau kedudukan saya untuk mengambil kesempatan ke atas murid demi kepentingan diri sendiri;
9. berlaku jujur dan bertanggungjawab, bekerja dengan ikhlas dan sentiasa mengutamakan kebajikan murid dalam setiap tindakan saya;
10. mematuhi semua peraturan dan undang-undang berkaitan perlindungan murid yang berkuat kuasa; dan
11. bersedia mengikuti latihan atau kursus untuk menambah ilmu tentang cara melindungi murid dengan lebih baik.

Bahagian D: Pengesahan dan Tandatangan

Saya mengesahkan bahawa saya telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi semua terma dalam Surat Aku Janji ini. Saya menyedari bahawa memalsukan maklumat serta mengingkari mana-mana terma dalam Surat Aku Janji ini, tindakan boleh dikenakan terhadap saya mengikut undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Tandatangan: _____

Nama: _____

Tarikh: _____

Bahagian E: Pengesahan oleh Pihak Sekolah

Disemak dan disahkan oleh:

Tandatangan Rasmi:

Nama Pegawai:

Jawatan:

Cap Rasmi:

Tarikh Semakan: